



24 Julai 2019
24 July 2019
P.U. (A) 206

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI BAYARAN PINJAMAN PENDIDIKAN
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI
NASIONAL OLEH MAJIKAN BAGI PIHAK PEKERJA) 2019

*INCOME TAX
(DEDUCTION FOR PAYMENT OF EDUCATIONAL LOAN OF
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
BY EMPLOYERS ON BEHALF OF EMPLOYEES) RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI BAYARAN PINJAMAN
PENDIDIKAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL OLEH MAJIKAN
BAGI PIHAK PEKERJA) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Bayaran Pinjaman Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional oleh Majikan bagi pihak Pekerja) 2019**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan 2020.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang ditubuhkan di bawah seksyen 5 Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 [*Akta 566*];

“pinjaman pendidikan” ertinya suatu pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan oleh Perbadanan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997.

Pemakaian

3. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) majikan yang mempunyai punca pendapatan yang terdiri daripada perniagaan yang berdaftar sahaja; dan

(b) pekerja—

(i) yang merupakan warganegara Malaysia; dan

(ii) yang telah menerima pinjaman pendidikan daripada Perbadanan.

Potongan

4. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu majikan daripada perniagaannya, hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan saraan daripada suatu jenis yang dibenarkan di bawah seksyen 33 Akta dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang bersamaan dengan amaun pinjaman pendidikan yang dibayar oleh majikan itu bagi pihak pekerjanya, dalam tempoh asas itu.

(2) Amaun pinjaman pendidikan yang dibayar oleh majikan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah dibuat bagi suatu tempoh yang tidak lebih awal daripada 1 Januari 2019 dan tidak lewat daripada 31 Disember 2019.

(3) Majikan yang menuntut potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah menyimpan resit rasmi daripada Perbadanan yang menentusahkan amaun pinjaman pendidikan yang dibayar dan tarikh pembayaran pinjaman pendidikan itu.

Syarat kelayakan bagi potongan

5. Potongan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) majikan tidak boleh mengenakan apa-apa bayaran kepada pekerja sebagai balasan kepada bayaran pinjaman pendidikan yang dibuat oleh majikan kepada Perbadanan;

(b) majikan dan pekerja bukan orang yang sama;

(c) pekerja itu diambil kerja secara sepenuh masa; dan

(d) pekerja itu bukan saudara-mara majikan itu, iaitu:

- (i) suami atau isteri;
- (ii) ibu atau bapa, termasuk ibu tiri atau bapa tiri, atau ibu mertua atau bapa mertua;
- (iii) anak, termasuk anak tiri atau anak angkat mengikut mana-mana undang-undang;
- (iv) adik-beradik lelaki atau adik-beradik perempuan, atau pasangan, termasuk adik-beradik tiri lelaki atau adik-beradik tiri perempuan; atau
- (v) datuk, nenek atau cucu, termasuk datuk tiri, nenek tiri atau cucu tiri.

Dibuat 18 Julai 2019

[Per CR (8.20) 116/1-138(2019) (S.J.2); LHDN. AY. A. 600 - 12/1/7 (29) - 6; PN(PU2)80/XCVI]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR PAYMENT OF EDUCATIONAL LOAN OF
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL BY EMPLOYERS
ON BEHALF OF EMPLOYEES) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 154(1)(b) and 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Payment of Educational Loan of Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional by Employers on behalf of Employees) Rules 2019**.

(2) These Rules have effect for the years of assessment 2019 and 2020.

Interpretation

2. In these Rules—

“Perbadanan” means the Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional which has been established under section 5 of the Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Act 1997 [Act 566];

“educational loan” means a loan approved and issued by the Perbadanan under the Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Act 1997.

Application

3. These Rules shall apply to—

(a) an employer who has sources of income of registered business only; and

- (b)* an employee who—
 - (i)* is a Malaysian citizen; and
 - (ii)* has received the educational loan from the Perbadanan.

Deduction

4. (1) For the purpose of ascertaining the adjusted income of an employer from his business, there shall be allowed as a deduction the remuneration of a kind allowable under section 33 of the Act in the basis period for a year of assessment equivalent to the amount of educational loan paid by the employer on behalf of his employee, in the basis period.

(2) The amount of educational loan paid by the employer referred to in subrule (1) shall be made for a period not earlier than 1 January 2019 and not later than 31 December 2019.

(3) The employer claiming for a deduction under these Rules shall keep an official receipt from the Perbadanan verifying the amount of the loan and the date of payment of the loan.

Condition for deduction

5. The deduction allowed under these Rules is subject to the following conditions:

- (a)* the employer shall not impose any payment to the employee as a consideration for the payment of educational loan made by the employer to the Perbadanan;
- (b)* the employer and the employee are not the same person;
- (c)* the employee is employed on a full-time basis; and

- (d) the employee is not a relative of the employee, that is:
- (i) a spouse;
 - (ii) a parent, including a step parent or a parent in law;
 - (iii) a child, including a step child or a child adopted in accordance with any law;
 - (iv) a brother or a sister, including a step brother or a step sister; or
 - (v) a grandparent or a grandchild, including a step grandparent or a step grandchild.

Made 18 July 2019

[Per CR (8.20) 116/1-138(2019) (S.J.2); LHDN. AY. A. 600 - 12/1/7 (29) - 6; PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]